

PM: Penerbit *Harakah* tidak patuhi undang-undang

UM - 3 MAR 2000

KUALA LUMPUR 2 Mac — Keputusan kerajaan bertindak mengehendkan penerbitan *Harakah* sepatutnya menjadi sesuatu yang dijangkakan kerana organ rasmi Pas itu didapati kerap kali tidak mematuhi undang-undang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata penerbit *Harakah* melanggar undang-undang kerana menjual akhbar itu kepada orang awam sedangkan ia sepatutnya diedarkan kepada ahli-ahli Pas sahaja.

"Apabila anda melanggar undang-undang, anda seyatutnya dihukum. Orang lain yang tidak melanggar undang-undang tidak dihukum.

"Undang-undang perlu dipatuhi sama ada anda anggota pembangkang atau kerajaan," katanya pada sidang akhbar selepas perasmian Seminar Pengurusan ASEAN di sini hari ini.

Beliau mengulas penguaman yang dibuat oleh Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam mengenai keputusan kerajaan mengeluarkan permit penerbitan dua kali sebulan kepada *Harakah*.

Sebelum ini akhbar itu diterbitkan dua kali seminggu.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan telah berulang kali memberi amaran supaya *Harakah* tidak meneruskan tindakan itu tetapi ia didapati berleluasa terutama semasa pilihan raya umum lepas.

Pada masa itu, jelasnya, kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan kerana tidak mahu dianggap cuba menyekat pandangan pihak pembangkang.

Menurut Dr. Mahathir, tindakan yang diambil terhadap *Harakah* adalah prosedur biasa.

Dalam negara ini, katanya, kerajaan tidak membeza-bezakan penguatkuasaan undang-undang terhadap anggota kerajaan dengan anggota pembangkang.

"Anggota kerajaan juga didakwa di mahkamah dan dikenakan tindakan.

"Anggota pembangkang tidak boleh melanggar undang-undang dan berharap mendapat keistimewaan bahawa tidak ada tindakan akan dikenakan ke atas mereka," katanya.

Perdana Menteri berpendapat terpulang kepada sesiapa untuk membuat sebarang andaian berhubung tindakan kerajaan itu kerana pada dasarnya ia memang wajar.

Ditanya mengapakah kerajaan tidak mengharamkan sahaja *Harakah*, Dr. Mahathir berkata, kerajaan mengambil sikap berlembut dalam hal ini.

"Mula-mula kita beri amaran, kemudian kita beri amaran kedua dan ketiga. Selepas itu kita ambil tindakan secara lembut terhadap mereka. Jika mereka terus melanggar undang-undang kita akan bertindak lebih serius terhadap mereka.

Sukar

"Kita bukanlah sebegitu kejam seperti sesetengah negara di Barat," katanya.

Mengenai cadangan supaya hukuman dikenakan terhadap pembeli *Harakah* (yang bukan ahli Pas), Dr. Mahathir berpendapat agak sukar untuk berbuat demikian kerana ia memerlukan yihak berkuasa meletakkan pegawainya di semua tempat menjual akhbar itu.

"Mereka (pembeli) tidak melakukan apa-apa kesalahan, mereka hanya membeli apa yang dijual. Penjual yang menjual bahan yang diketahui tidak boleh dijual itu yang melakukan kesalahan," ujarnya.

Sementara itu, mengulas perkembangan kempen menyerang peribadi calon yang mula timbul berikutan bermulanya mesyuarat perwakilan UMNO bahagian hari ini, Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO menasihati ahli-ahli: "Jangan serang (peribadi calon)."